



يayasan اسلام نكري قديم

SUMBANGAN DANA WANG JARIAH



Rasulullah S.A.W telah bersabda:
"Apabila seorang anak Adam meninggal,
maka terputuslah amalannya kecuali
tiga (3) perkara: sedekah jariah, ilmu
yang bermanfaat dan anak soleh yang
mendoakannya"

(hadis riwayat Abu Hurairah r.a)

Hantarkan Sumbangan Anda Kepada:
YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH
(Penyelaras Dana Wang Jariah)
56-A, Bangunan Yayasan Islam Negeri Kedah,
Jalan Telok Wanjah, 05200 Alor Setar,
KEDAH DARUL AMAN
Tel: 04-7302703 / Faks: 04-7303713

SUMBANGAN DANA WANG JARIAH
YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH
DIKECUALIKAN DARIPADA CUKAI PENDAPATAN.
(KELULUSAN LHDN:01/35/42/51/179-6.6132)
DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6), AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) sebagai sebuah agensi badan berkanun negeri yang menjana usaha-usaha pembangunan dakwah, pendidikan dan kebajikan untuk pelbagai lapisan peringkat masyarakat di Malaysia khususnya di Negeri Kedah Darul Aman.

Sehubungan itu YINK menyediakan wadah kepada umat Islam untuk menjalankan ibadat sedekah jariah melalui sumbangan Ikhlas kepada Dana Wang Jariah (DANA WAJAR) YINK bagi membiayai dan membantu aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti berikut:

- Memberi bantuan biasiswa/pinjaman pengajian kepada pelajar Institut Pengajian Tinggi dalam dan luar Negara.
- Bantuan kepada institusi pendidikan Islam, masjid dan surau.
- Menyalurkan bantuan kewangan kepada persatuan / pertubuhan yang menjalankan program peningkatan syiar dan kefahaman Islam.
- Membiayai program / aktiviti dakwah, kursus, seminar dan seumpamanya yang berkaitan hal ehwal Islam.
- Membina Institusi Ilmu, Perkhidmatan dan Kebajikan
- Menyalurkan sumbangan dan bantuan kepada golongan yang kurang berkemampuan, fakir miskin dan mangsa bencana alam.

BERAPAKAH JUMLAH BOLEH DISUMBANGKAN?:
Sumbangan yang diberikan oleh institusi, syarikat atau individu kepada Yayasan Islam Negeri Kedah adalah **DIKECUALIKAN DARIPADA CUKAI PENDAPATAN** mengikut **SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967** seperti berikut;

LHDN.01/35/42/51/179/aa : Perkara 10.1
Penderma-penderma yang memberi sumbangan dan derma kepada sesebuah institusi atau organisasi yang telah diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 layak mendapat tolakan atas sumbangan dan derma mereka dalam pengiraan pendapatan agregat.

LHDN.01/35/42/51/179/aa : Perkara 10.3 (ii)
Derma atau sumbangan di bawah kelulusan Ketua Pengarah, amaun adalah terhad 10% daripada pendapatan agregat kepada individu dan syarikat.

Contoh:
10% x Pendapatan Agregat = Amaun Sumbangan
10% x RM 1,000,000.00 = RM 100,000.00



يayasan اسلام نكري قديم
YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

Kepada Bendahari Yayasan Islam Negeri Kedah,

Saya dengan suci hati memberi sumbangan Dana Jariah ini di atas nama diri sendiri : _____ RM _____

penama lain: _____

1. _____ RM _____

2. _____ RM _____

3. _____ RM _____

4. _____ RM _____

5. _____ RM _____

Jumlah RM _____

Melalui:

Disertakan cek / kiriman wang / wang pos / bank draf berpaling nombordan berjumlah RMatas nama **YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH**

Dimasukkan ke akaun semasa di Bank Islam Malaysia Berhad. No. Akaun : 02-011-01-008871-2 (sila poskan slip bank ke Yayasan Islam Negeri Kedah)

Potongan Gaji Bulanan

Nota: Tandakan pada ruang berkenaan sahaja

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama / Institusi: _____

No. KP: _____

Alamat: _____

Tel: _____ E-mel: _____

Jawatankuasa Yayasan Islam Negeri Kedah Mengucapkan jazakumullah khairan khathira di atas sumbangan ikhlas anda!

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Tarikh: _____ No Resit: _____

Tandatangan: _____

Jumlah: _____

**BORANG PERSETUJUAN POTONGAN GAJI
DANA WANG JARIAH
YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH**

Nama dan alamat Ketua Jabatan / Majikan

.....
.....
.....
.....

Tuan,

**KEBENARAN MEMOTONG GAJI BULANAN
UNTUK DANA WANG JARIAH YAYASAN ISLAM
NEGERI KEDAH**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa saya dengan
suci hati memberi kebenaran untuk memotong daripada
gaji saya pada tiap-tiap bulan untuk Dana Wang Jariah
Yayasan Islam Negeri Kedah.

Butir-butir mengenai gaji adalah seperti berikut:

Nama: _____

No. K/P: _____

Pekerjaan: _____

Jumlah Potongan: RM _____

Mulai dari Bulan _____ Tahun _____ sehingga
Tamat Perkhidmatan.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

**PERANCANGAN DANA WANG JARIAH
YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH**

Dana Wang Jariah Yayasan Islam Negeri Kedah
diwujudkan sebagai wadah kepada umat Islam untuk
beribadah kepada Allah SWT melalui sumbangan amal
jariah seperti sedekah, infaq atau wakaf dalam bentuk
tunai untuk digunakan sebagai dana untuk melaksana
dan menyempurnakan manfaat-manfaat yang dapat me-
realisasikan tanggungjawab sosial, pembangunan Insan
dan menyediakan kemudahan-kemudahan yang
dimanfaatkan oleh umat Islam.

Perancangan-perancangan melalui Dana Wang Jariah
Yayasan Islam Negeri Kedah

1. Menyediakan Kemudahan Pinjaman / Biasiswa

Melalui Dana ini kemudahan pinjaman / biasiswa
pendidikan disediakan kepada pelajar-pelajar yang
melanjutkan pelajaran di Universiti dalam dan luar
negara

2. Membina Institusi Ilmu

Melalui Dana Wang Jariah ini, pembinaan institusi ilmu
seperti sekolah dan Maahad Tahfiz yang mana dapat
memberi pendidikan yang memacu ilmu berteraskan
iman dan taqwa.

**3. Menyedia Bantuan Pendidikan dan Program
Dakwah**

Dana Wang Jariah ini juga digunakan untuk memberi
bantuan pendidikan kepada keluarga yang kurang
berkemampuan dan juga sekolah-sekolah agama rakyat
yang memerlukan. Disamping itu juga memberi bantuan
dalam melaksanakan program dan aktiviti dakwah oleh
mana-mana pihak.

4. Dana Bantuan Kebajikan dan Bencana

Berperanan menghulurkan bantuan kepada masyarakat
akan keperluan kebajikan golongan yang kurang
berkemampuan seperti fakir miskin, pusat kebajikan
warga emas, anak-anak yatim dan juga saudara baru.
Selain itu bantuan bencana turut diberi perhatian dalam
bentuk kewangan.

5. Menyediakan Rangkaian Perkhidmatan Kesihatan

Satu usaha yang akan dijana daripada Dana Wang Jariah
ini adalah menyediakan kemudahan rangkaian
perkhidmatan kesihatan seperti hospital atau klinik yang
memberi keutamaan dan manfaat kepada golongan yang
kurang berkemampuan (menerusi kadar bayaran yang
minimum). Perkhidmatan ini pada dasarnya adalah sama
dari segi operasi dan kaedah perkhidmatan yang diberi-
kan oleh mana-mana hospital atau klinik swasta tetapi
berbeza dari segi konsep pelaksanaannya. Konsep ini
berperanan sebagai media dakwah bil-hal.

6. Dana Sumbangan Masjid dan Surau

Pembangunan dan penyelenggaraan masjid dan surau
yang tidak berkemampuan dari segi kewangan akan
dibantu melalui Dana Wang Jariah Yayasan Islam
Negeri Kedah ini.

7. Membangunkan Aset dan Hartanah Wakaf

Dana Wang Jariah Yayasan Islam Negeri Kedah juga
akan memberi sumbangan dalam membangunkan Aset
dan Hartanah Wakaf di Negeri Kedah dengan kerjasama
Majlis Agama Islam Negeri Kedah dengan memanfaat-
kan aset Wakaf yang dapat memberi nilai tambah
kepada umat Islam khususnya.

8. Dana Niaga Peniaga Kecil

Dana Wang Jariah Yayasan Islam juga akan digunakan
sebagai dana yang membantu peniaga-peniaga kecil atau
lepasan pelajar yang baru memulakan bisnes dengan
memberi mikro kredit tanpa faedah. Melalui dana ini
juga syiar Islam melalui perniagaan dapat ditingkatkan
disamping menggerakkan ekonomi umat Islam serta
memberi manfaat kepada semua usahawan Islam yang
memerlukan modal perniagaan.

9. Lain-lain Bantuan

Dana Wang Jariah Yayasan Islam Negeri Kedah juga
akan digunakan sebagai bantuan kecemasan seperti
mangsa kebakaran, mangsa banjir, mangsa kemalangan
dan sebagainya yang dikategorikan sebagai lain-lain
bantuan.